

Pembohongan Pas kelirukan penyokongnya didedah 22 NOV 1999

PENDANG 21 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyenaikan beberapa pembohongan Pas yang berjaya mengelirukan penyokong-penyokongnya sehingga mereka memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada parti itu.

Perdana Menteri berkata, kelebihan yang ada pada parti Pas ialah berbohong dan malangnya setiap pembohongan yang dilakukan oleh pemimpin Pas dipercayai sepenuhnya oleh para penyokong mereka tanpa soal jawab.

Dr. Mahathir berkata, tahap ketaksuban ahli-ahli Pas kepada pemimpin mereka amat tinggi sehingga apa yang dikatakan oleh mereka semuanya betul, sebaliknya hujah pemimpin kerajaan dianggap bohong.

"Kalau saya kata kertas ini putih, depa (mereka) kata hitam sebab pemimpin mereka kata hitam. Kalau (Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) kata hitam... hitamlah walaupun kertas ini memang putih. Sebab apa... sebab Perdana Menteri kata putih," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Tapak Pekan Sehari, Pendang, di sini hari ini. Turut hadir ialah calon BN bagi kerusi Parlimen Pendang, Datuk Othman Abdul.

Menurut Perdana Menteri lagi, walaupun banyak kemajuan yang telah dica-

pai oleh negara, pemimpin-pemimpin Pas memilih satu kegagalan kerajaan untuk dihebohkan kepada rakyat bagi menimbulkan kemarahan mereka.

Katanya, pemimpin Pas juga sanggup berbohong walaupun ia membabitkan soal agama seperti Tuhan mencarut, perceraian dalam Islam adalah perkara biasa dan wanita cantik tidak boleh bekerja.

Menurut beliau, pemimpin Pas cuba 'membunuh muslimatnya' apabila mereka dihina dengan tidak dibenarkan bekerja, sedangkan Nabi Muhammad tidak pernah menghinakan wanita kerana golongan itu juga mempunyai peranannya dalam masyarakat.

Katanya, pada zaman Nabi, golongan wanita turut ke medan perang bagi membantu merawat tentera yang cedera.

Dr. Mahathir berkata, wanita cantik tidak boleh dipersalahkan dan menjadi mangsa diskriminasi kerana kecantikan itu adalah kurniaan Allah.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan muslimat Pas supaya tidak berkempen semasa pilihan raya umum ini kerana bimbang mereka turut sama menyebarkan ajaran salah Islam Pas ini.